

Susun semula laporan di bawah mengikut susunan yang betul.

27 JUN 2021

Acara terakhir ialah roket air payung terjun. Roket ini perlu membawa telur sintetik 60 gram sebagai beban. Catatan roket yang paling lama di udara diambil kira. Peserta perlu memastikan paras air dan tekanan udara mencukupi sebelum melancarkan roket.

Seterusnya, peserta ke kawasan padang bagi kategori kedua, iaitu roket air sasaran. Dalam acara ini, peserta perlu menyasarkan tanda jarak 80 meter dari tapak pelancaran roket. Peserta hendaklah memastikan paras air, tekanan udara, sudut pelancaran roket sebelum meluncarkannya. Penilaian bagi kategori ini berdasarkan jarak luncuran roket. Para penonton teruja melihat roket itu meluncur di udara.

Laporan Pertandingan Roket Air Peringkat Negeri Melaka

Laporan disediakan oleh,

Nurulasriah

(NURULASRIAH BINTI JAMHOR)

Setiausaha,

Kelab Sains,

Sekolah Kebangsaan Sri Makmur

Pada 22 hingga 23 Jun 2021 yang lalu, telah berlangsung Pertandingan Roket Air Peringkat Negeri Melaka di Sekolah Kebangsaan sri Makmur. Seramai 50 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Objektif acara ini adalah untuk memberikan pendedahan ilmu sains dan teknologi, khususnya bidang sains angkasa kepada murid. Sebanyak tiga kategori dipertandingkan, iaitu pembentangan, roket air sasaran dan roket air payung terjun.

Aktiviti bagi kategori pertama ialah pembentangan roket air selama 10 minit. Para juri akan melakukan penilaian berdasarkan kemahiran pembentangan, bersoal-jawab kefahaman hukum sains, kreativiti dan inovasi.

Sebelum berakhir, keputusan pemenang pertandingan roket air telah diumumkan. Bakat kreatif para peserta terserlah semasa pertandingan itu. Pertandingan roket air itu berlangsung dengan jayanya dan meriah.
